

UMT-JKNT Anjur Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023

Oleh: Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman

Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Kebangsaan tahun 2023 telah diadakan pada 20 Mei 2023 bertempat di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) dengan kerjasama UMT ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan dan dihadiri kira-kira 1,000 hadirin termasuk kakitangan kerajaan dan swasta, orang awam dan pelajar.

Hari Tibi Sedunia disambut setiap tahun pada 24 Mac bertujuan meningkatkan kesedaran, komitmen dan sokongan pelbagai pihak terhadap usaha-usaha kawalan serta pencegahan penyakit Tibi yang telah dan bakal dilaksanakan di seluruh negara. Sebagai usaha untuk mencapai matlamat tersebut, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melancarkan *End TB Strategy* dengan sasaran mengurangkan 90% pesakit yang mengidap Tibi, seterusnya mengurangkan 95% kematian akibat Tibi menjelang tahun 2035. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Yes! We Can End TB!".

Menurut Dr. Hashim Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kawalan Tibi dan Kusta, JKNT telah merancang, membangun dan melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif bagi mencapai matlamat menamatkan epidemik Tibi dengan melakukan pelbagai usaha pelaksanaan seperti meningkatkan pengesanan kes Tibi melalui ujian x-ray secara bergerak ke komuniti terutama golongan yang berisiko tinggi kontak rapat kepada kes Tibi, pesakit Diabetes dan warga emas.

Selain itu, JKNT turut memperkasakan program pencegahan dan rawatan dengan meningkatkan kapasiti saringan dan diagnosis. Inisiatif seterusnya adalah meningkatkan pencegahan dan kawalan Tibi dalam kalangan kanak-kanak dengan melakukan pengesanan awal sekiranya terdapat tanda bergejala. JKNT turut meningkatkan kerjasama dengan perkhidmatan agensi lain dengan memperluaskan saringan dan rawatan Tibi. Kerjasama ini sudah pasti dapat membantu meningkatkan promosi kesihatan mengenai langkah pencegahan dan mengurangkan stigma dalam kalangan masyarakat terhadap penyakit Tibi", ujar Dr. Hashim lagi.

Antara tanda-tanda penyakit Tibi adalah batuk yang berpanjangan melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah. Pesakit disarankan segera menjalani pemeriksaan dan rawatan di klinik berhampiran agar kawalan dan rawatan dapat diberikan dengan segera.



Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 turut diserikan dengan pelbagai program termasuklah "Fun Walk & Plogging" yang disertai oleh 200 orang pelajar UMT. Peserta program ini bukan saja hanya berjalan santai tetapi perlu mengadakan aktiviti *plogging* iaitu mengutip sampah yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes di sepanjang laluan yang ditetapkan iaitu kira-kira 3.8 km di dalam kampus UMT. Tiga kumpulan teratas yang berjaya mengumpulkan sampah berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan timbangan terberat dan masa terpanjang telah dipilih sebagai pemenang. Acara mewarna bagi kategori pelajar sekolah rendah dan acara mencipta poster bagi kategori pelajar IPT turut dipertandingkan.

Dalam masa yang sama, pameran dari pelbagai unit kesihatan seperti Klinik Pakar Respiratori, Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian, Klinik Swasta dan pelbagai agensi lain turut membantu menjayakan program kali ini. UMT melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersialan turut bersama menjayakan pameran dengan memperkenalkan produk berasaskan penyelidikan UMT seperti madu kelulut, aiskrim BetaGac dan vaksin untuk penternakan kambing dan biri-biri.

Forum Kesihatan dengan topik "Rawat Awal Penyakit Tibi untuk Elak Pelbagai Komplikasi Kesihatan" dikendalikan oleh moderator berpengalaman, Dr. Suhazeli Abdullah yang merupakan Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Tengkuawang. Ahli panel adalah terdiri daripada Dr. Koay Teng Khoo, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, KKM manakala Dr. Zamzurina Abu Bakar merupakan Pakar Perunding Respiratori, Institut Perubatan Respiratori, Kuala Lumpur. Turut hadir adalah Dr. Badruddin Hassan yang berkongsi pengalaman beliau sebagai bekas pesakit Tibi. Untuk makluman, beliau merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali.



Di dalam majlis tersebut, YB Timbalan Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi pelbagai kategori indikator kawalan Tibi termasuklah peratus hasil rawatan terbaik, pengurusan audit kematian Tibi, peratus saringan kontak, kadar terhenti rawatan terendah dan lain-lain lagi. Negeri Terengganu juga dinobatkan tempat pertama bagi kategori keseluruhan.



SAMBUTAN HARI TIBI SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

YES! WE CAN END TB

20 MEI 2023 (SABTU) | 11.00 PAGI

Dirasmikan oleh:

YB Tuan Lukanisma bin Awang Sauni
Timbalan Menteri Kesihatan



